



Setahun sudah berlalu sejak krisis kesihatan ini berlaku secara global. Pelbagai perubahan yang dialami telah mengubah lanskap dunia perniagaan. Anjakan perubahan berlaku di dalam dunia perniagaan, di mana model perniagaan perlu diubah bagi memenuhi keperluan semasa. Untuk kekal bersaing di dalam industri dan persekitaran ekonomi yang mencabar ketika ini, strategi perniagaan perlu diubah demi kelangsungan perniagaan. Kenapa perubahan ini berlaku? Semasa pandemik ini tercetus, citarasa pengguna berubah secara drastik, di mana aplikasi e-dagang menjadi pilihan pengguna. Apabila penularan wabak covid ini berlaku, peralihan trend kepenggunaan telah dapat dilihat. Ianya adalah keadaan di mana pengguna lebih mudah dan selesa untuk mengurusniaga menerusi platform atas talian. Usahawan perlulah mengubah strategi perniagaan yang baharu. Wabak Covid 19 sememangnya menjadi penggalak kepada kemunculan satu kluster baru dalam perniagaan di mana Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menambah satu segmen pasaran baharu. Tidak pernah terfikir di minda kita bahawa ikan, sayur, buah-buahan juga kini dijual secara atas talian dan ini menunjukkan bahawa e-dagang di terima bukan sahaja oleh peniaga tetapi pengguna.

E-dagang menjadi pilihan pengguna masa kini disebabkan ia memudahkan dan cepat, hanya membuat pesanan dan barangan akan sampai kediaman pengguna masing-masing. Sememangnya perubahan strategi perniagaan telah berlaku sebelum krisis ini muncul tetapi peningkatan perubahan strategi lebih drastik lagi selepas Covid-19 wujud. Seiring dengan itu kerajaan Malaysia telah melancarkan MyDIGITAL dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia di mana

ini adalah satu pelan halatuju transformasi digital yang dapat memacu sektor perniagaan

menjadi lebih kompetitif di peringkat global. Sektor perniagaan kini perlu menguasai teknologi digital dalam memastikan ianya lebih produktif dan dalam masa yang sama dapat menaiktaraf ekonomi sektor berkenaan. Pelancaran yang dilakukan ini seiring dengan dasar pembangunan negara Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). Perubahan strategi perniagaan yang menfokuskan kepada perubahan perniagaan secara atas talian adalah jalan yang terbaik untuk semua usahawan masakini kerana dijangka pada tahun 2025, ekonomi digital diramal lebih berkembang pesat yang akan memberikan lebih banyak peluang kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk melonjakkan perniagaan. Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun tersebut diramal akan meningkat sebanyak 22.6 peratus. Berdasarkan ramalan ini, sektor e-dagang akan melonjak naik di mana penerimaan dan adaptasi para peniaga akan bertambah. Peratusan penerimaan peniaga terhadap teknologi digital akan berubah dan peniaga juga perlu mengambil semua inisiatif yang ditawarkan oleh mana-mana agensi kerajaan. Oleh itu, peniaga perlu melakukan transformasi kepada perniagaan masing-masing.

Pada masa dahulu, perniagaan secara digital agak kurang popular, sebaliknya konsep perniagaan konvensional adalah berfungsi secara fizikal. Dengan kemunculan wabak pandemik ketika ini, aktiviti penjualan dan pembelian secara atas talian telah dianggap sebagai kaedah yang terbaik bagi pasca pandemik. Para usahawan juga harus mengambil peluang menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang memperuntukkan lebih RM700 juta khusus untuk membangunkan platform perniagaan digital; melalui pemberian geran dan pinjaman kepada PKS. Kerajaan sememangnya menggalakkan dan membuka peluang kepada peniaga untuk mengubah strategi perniagaan mereka. Adalah diharapkan para peniaga dapat mengubah operasi perniagaan dan perdagangan dalam memastikan peniaga masih berdaya saing. Sememangnya landskap perniagaan telah berubah, perubahan segera perlu dibuat. Jika masih masih setia kepada kaedah lama, terpulung. *Tepuk dada tanya selera!*